

Cara tingkat keselamatan aplikasi WhatsApp

BAGAIMANAKAH cara untuk meningkatkan tahap keselamatan aplikasi WhatsApp dengan menggunakan fungsi enkripsi? - Kamal, Kedah.

Setelah aplikasi WhatsApp ini diambil alih pengurusannya oleh pihak Facebook, satu fungsi keselamatan enkripsi yang dikenali dengan protokol enkripsi *end-to-end* ditambah ke dalam aplikasi tersebut.

Protokol keselamatan enkripsi *end-to-end* ini hanya membenarkan orang perseorangan atau kumpulan aplikasi yang dibenarkan sahaja boleh membaca mesej dihantar kepadanya oleh seseorang.

Selain penerima mesej, individu atau kumpulan tidak dapat membaca mesej tersebut.

Ini menjadikan komunikasi mesej menerusi aplikasi WhatsApp ini bersifat peribadi seolah-olah seperti perbualan

Diskusi
ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

antara orang-orang tertentu sahaja.

Fungsi enkripsi *end-to-end* ini akan sentiasa diaktifkan penggunaannya dalam aplikasi WhatsApp ini dan tidak boleh dinyahaktifkan secara biasa.

Namun begitu, bagi mendapatkan fungsi ini aktif, pastikan mengemas kini aplikasi WhatsApp yang digunakan dengan versi terkini dan pastikan juga rakan dan kumpulan bual berbuat perkara yang sama.

Bagi memastikan fungsi enkripsi *end-to-end* dikemas kini dan aktif, beberapa perkara perlu dibuat seperti berikut:

1. Buka fungsi bual dalam aplikasi WhatsApp dan tap

nama rakan bual di bahagian atas.

2. Seterusnya, maklumat rakan bual tersebut akan dipaparkan. Di situ juga terdapat maklumat berkaitan sama ada mesej anda akan dienkripi atau tidak.

3. Sekiranya perbualan atau mesej tersebut tidak dienkrip, tap menu *encryption* untuk melihat kod QR (*Quick Response*) dan nombor dengan 60 digit yang unik.

4. Kemudian, kongsi kod QR atau digit tersebut dengan rakan bual atau ahli keluarga.

Perkongsi boleh dibuat dengan mengimbas kod QR tersebut atau menghantar mesej kepada mereka menerusi mesej pesanan ringkas atau e-mel dengan menekan butang *share* pada telefon pintar yang digunakan.

Setelah itu, mesej yang dihantar menerusi aplikasi WhatsApp akan dienkripsikan.